


## **HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG MEMILIKI PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG ERCAMPUR DENGAN MUSLIM & NON MUSLIM**

### **Keputusan :**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa **“Syarikat yang bercampur antara pemegang saham Muslim dan Non – Muslim dikenakan zakat kepada pemegang saham bahagian Muslim sahaja.”**
2. Keputusan ini berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
  - i. Hukum Zakat Ke Atas Syarikat Yang Menjalankan Perniagaan.

Para Ulama' dari kalangan, tabiin dan fuqaha' telah sepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu :

Firman Allah S.W.




Maksudnya :

**“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi...”**

(Al-Baqarah : ayat 267 )

Para Ulama' mentafsirkan perkataan “ **كسب** ” dengan erti berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia samada usaha perniagaan , perindustrian, pertanian dan sebagainya samada usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat .


Sabda Nabi s.a.w.



**“...Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat...”.**

(Riwayat Ibn Majah)

Sabda Nabi s.a.w.




Maksudnya :

Daripada Samurah katanya : **“Adalah Rasullullah s.a.w. menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jualbeli.”**

(Riwayat Abu Daud)

Ijma'sahabat iaitu diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad Abd. Al-Qari katanya, “ketika aku menjaga Baitumal di zaman Umar Al Khatab apabila beliau hendak mengeluarkan zakat, beliau menghimpun semua harta-harta perniagaan tersebut kemudian mentaksirkannya samada harta-harta tersebut ada dihadapannya atau dalam simpanan, kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut.

Para Ulama' Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat hanya wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi s.a.w.



Bermaksud :

*Bahawasanya Rasullullah s.a.w ketika mengutus Muaz ke Yaman. Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab, maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah menfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah menfardhu ke atas mereka zakat diambil daripada orang-orang kaya dikalangan mereka dan berikan kepada golongan fakir dikalangan mereka”.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)